

14/04/1998

PM rasmi Kompleks Bebas Cukai Johor Bahru

KOMPLEKS Bebas Cukai Johor Bahru, antara kompleks bebas cukai terbesar di rantau ini, akan dirasmikan Perdana Menteri Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu ini.

Kompleks di atas tapak seluas 6.8 hektar itu terletak di Jalan Ibrahim, Johor Bahru dan berhadapan dengan Stesen Janakuasa Senoko di Singapura.

Kompleks itu menawarkan kemudahan membeli belah bebas cukai setempat, hiburan dan tempat makan, pengangkutan, kemudahan penginapan dan konvensyen, dimajukan oleh Kelana Megah Sdn Bhd, anggota Sriwani Holdings Bhd, sebuah syarikat pelbagai disenaraikan yang terbabit dalam kegiatan pelancongan.

(END)